

# Parah kena serang anjing jiran

● MOHD KAMIL RAHIM | BERITA HARIAN

## Budak bertarung nyawa 5 minut

Oleh Mohd Zin Ali  
mdzin@bharian.com.my

**B**UKIT MERTAJAM: Seorang kanak-kanak parah selepas diserang seekor anjing yang terlepas dari kandang ketika menunggang basikal di Lorong Perda Timur 9, Bandar Perda, di sini, kelmarin.

Dhiya Qairina Muhammad Nur, 7, sedang bermain di depan rumah apabila diterkam dari belakang oleh anjing hitam milik jiran sehingga terjatuh di atas jalan sebelum digigit pada belakang bahu, pinggang dan punggung.

Mangsa yang bergelut hampir lima minit dengan anjing itu hanya mampu menjerit serta menangis sebelum disedari ibunya yang sedang mengeluarkan barangan dari but kereta selepas menghantar kakak sulung mangsa ke asrama di Sungai Petani, jam 6.30 petang.

Bapa mangsa, Muhammad Nur Akmal, 47, berkata sebaik terdengar jeritan isterinya mengenai kejadian yang menimpa Dhiya, dia yang sedang menukar bateri sebuah lagi kereta meluru ke arah mangsa dan cuba menyelamatkan anak bongsu daripada empat beradik itu.

Bagaimanapun, katanya, anjing yang tidak diketahui jenis bakanya itu enggan melepaskan mangsa sehingga dia terpaksa mengangkat basikal untuk dijadikan senjata bagi memukul haiwan terbabit.

"Selepas berbuat demikian, anjing itu melepaskan Dhiya.

"Bagaimanapun, sebaik saya meletakkan basikal ke bawah, anjing itu cuba menyerang saya pula menyebabkan saya mengangkat basikal berkenaan semula sebelum ia

melarikan diri dan pulang ke rumah tuannya.

"Saya kemudian mendapatkan Dhiya yang berlumuran darah belakang badan dan punggung sebelum membawanya ke wad kecemasan Hospital Pakar KPJ Pulau Pinang, di sini untuk mendapatkan rawatan," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Muhammad Nur berkata, dia difahamkan anjing yang mempunyai ketinggian lebih satu meter itu terlepas daripada kawasan rumah apabila kunci pagar rosak sebelum pagar terbuka, dipercayai ditendang haiwan berkenaan.

"Saya kecewa dan trauma melihat kejadian menimpa Dhiya hingga tidak dapat tidur malam tadi (kelmarin)," katanya yang membuat laporan di Balai Polis Bandar Perda dan Majlis Perbandaran Seberang Prai (MPSP), semalam.

Sementara itu, Yang Dipertua MPSP, Maimunah Mohd Sharif, berkata pihaknya sudah menangkap anjing bersaiz seperti anjing pengan K9 itu untuk ditahan selama dua minggu sebelum mengambil tindakan selanjutnya.

"Pemilik anjing berkenaan juga boleh dikenakan kompaun sehingga RM500 kerana gagal memperbaharui lesen untuk memelihara haiwan terbabit," katanya.

Ketua Polis daerah Seberang Perai Tengah, Asisten Komisier Azman Abd Lah pula mengesahkan menyiasat kes itu mengikut Seksyen 289 Kanun Keseksaan kerana kecuaiannya yang boleh dikenakan penjara tidak lebih enam bulan dan denda hingga RM2,000 jika sabit kesalahan.



RADZIAH Mohd Adas menunjukkan luka Dhiya akibat digigit anjing di Hospital Pakar KPJ Pulau Pinang, Bukit Mertajam, semalam.